

01 SEP 2001

Kongres-Semester

PERSEKOLAHAN BERDASARKAN SEMESTER PERLU DIPERKENALKAN

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Seorang ahli akademik hari ini mencadangkan supaya kerajaan memperkenalkan sistem persekolahan berdasarkan semester yang fleksibel bagi pendidikan sekolah rendah yang disesuaikan dengan kemampuan dan perkembangan pelajar.

Prof Datuk Dr Isahak Haron dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim berkata, sistem semester fleksibel itu boleh dilaksanakan dalam tempoh lima hingga tujuh tahun, selaras dengan Akta Pendidikan 1996 yang memperuntukkan tempoh itu bagi pendidikan rendah.

"Dalam sistem persekolahan fleksibel itu, dijangka hampir semua murid dapat mencapai tahap pendidikan rendah yang diperlukan berdasarkan ujian kriteria bagi setiap mata pelajaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja "Prestasi Pelajar Melayu/Bumiputera di peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi sempena Kongres Pendidikan Melayu di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan kongres dua hari ini anjuran bersama Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan Kumpulan Melayu Prihatin.

Dr Isahak mencadangkan setiap mata pelajaran dibahagikan kepada tahap satu hingga enam menggunakan modul, dengan setiap modul bagi satu semester yang akhirnya akan dinilai.

Beliau memberikan contoh kemungkinan terdapat pelajar yang menguasai Bahasa Melayu berada dalam Modul Empat, tetapi pada masa yang sama berada dalam Modul Tiga bagi matematik dan Modul Dua bagi Bahasa Inggeris.

"Murid yang telah menguasai modul, iaitu yang lulus ujian dengan memuaskan, akan bergerak ke modul seterusnya... jadi murid tidak dikelompok mengikut Tahun berdasarkan umurnya, tetapi bergerak dalam kelompok mengikut kebolehan menguasai setiap mata pelajaran," katanya.

Katanya, pendekatan fleksibel itu perlu disebabkan pelajar yang memasuki sekolah rendah mempunyai kebolehan dan persediaan yang berbeza seperti boleh membaca, menulis dan mengira.

Pelajar yang mampu menguasai sesuatu pelajaran tetapi kurang mahir dalam pelajaran lain juga tidak akan dipuratakan sebagai lemah, katanya.

Katanya, semua murid yang menamatkan pendidikan rendah dalam tempoh lima hingga tujuh tahun itu akan mempunyai pendidikan asas yang kukuh untuk meneruskan pendidikan ke peringkat menengah.

Beliau berkata, kegagalan pelajar Melayu menguasai mata pelajaran seperti matematik, sains dan Bahasa Inggeris berpunca daripada masalah pendidikan asas peringkat rendah yang tidak kukuh.

Sementara itu Dr Isahak merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya tidak meneruskan cadangan memansuhkan program Diploma di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), sebaliknya program itu perlu diteruskan dan pengambilan pelajar ditambah.

"Pemansuhan program diploma di UTM dan UPM adalah satu dasar yang merugikan pelajar Bumiputera, kerana ia menutup peluang pelajar Bumiputera melanjutkan pelajaran mereka selepas SPM (Sijil Persekolahan Malaysia)," katanya.

Katanya, menambah pengambilan pelajar Bumiputera bagi mengikuti pelbagai program diploma merupakan strategi paling sesuai mengeluarkan graduan Bumiputera separa profesional dan profesional dalam masa terdekat

ini.

-- BERNAMA
RZS ES ZB